NEFF diperbadankan untuk menyediakan perkhidmatan nilai tambahan kepada asas pelanggan ekspres kami. Di sepanjang tahun kewangan 2004/2005, NEFF telah menawarkan khidmat pengangkutan darat, broker, kastam dan khidmat pengangkutan udara serta penyelesaian pergudangan yang berskala kecil. Syarikat subsidiari mencatatkan peningkatan empat kali ganda dalam perolehan berbanding tahun kewangan sebelumnya dan menyumbang kepada hampir 4% daripada pendapatan Kumpulan.

Dengan kemudahan pergudangan baru yang tersedia terhadap tahun kewangan berakhir 2004/2005, NEFF kini mampu mengembangkan tawaran perkhidmatannya termasuk pergudangan berskala penuh dan keupayaan pungut dan bungkus kepada para pelanggan kami, NEFF juga telah melengkapkan dirinya dengan kemudahan pergudangan berskala kecil di Johor Bahru untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat di sana. Seterusnya meletakkan Nationwide Express sebagai pembekal logistik lengkap di bawah satu bumbung.

Nationwide Express Metro Sdn Bhd (NEM)

NEM diwujudkan khusus untuk menyediakan pengendalian khas, dan penyelesaian khusus kepada pelanggan kami. NEM menumpukan aktiviti bahagian proses perniagaan dari sumber luar, pengurusan bilik surat-menyurat dan logistik khusus sertamengambil lebih banyak peluang di dalam pengendalian khas terhadap barangan yang memerlukan sekuriti tambahan dan bernilai tinggi. Subsidiari ini dilengkapi oleh tenaga kerja terlatih, proses kawalan kualiti yang ketat dan sokongan teknologi untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesekataan perkhidmatannya. Sepanjang tahun kewangan 2004/2005, NEM menyumbang hampir 3% kepada perolehan Kumpulan.

Nationwide Express Courier Pte Ltd (NECPL)

Sebagai syarikat subsidiari milik penuh, NECPL adalah pejabat seberang laut kami di Singapura. Subsidiari ini menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan yang sama seperti syarikat induknya, Nationwide Express dan ia melengkapkan hubungan logistik untuk Nationwide Express menghubungkan Singapura dan Malaysia. Dengan persaingan yang semakin sengit dalam industri kurier domestik di Singapura, NECPL yang menyumbangkan hampir 2% kepada perolehan Kumpulan sepanjang tahun kewangan 2004/2005, mengambil langkah untuk memainkan peranan yang lebih lagi dalam peredaran logistik antara Singapura dan Malaysia.

Penganugerahan dan Pencapaian

Kami telah dianugerahkan Anugerah Jenama Malaysia Terbaik 2004, di Pesta Jenama dan Pelanggan Antarabangsa (IBCOF) pada Disember 2004. Kami juga telah berjaya dipilih sebagai penerima anugerah Superbrands Malaysia 2005 yang dilihat sebagai suatu pameran terulung kepada jenama peneraju terkuat Malaysia, di mana pemilihan telah dibuat melalui kajiselidik pelanggan yang ketat, dan melalui pemilihan kuantitatif oleh Suruhanjaya Superbrands. Ini adalah satu akuan terhadap kekuatan jenama Nationwide Express, yang akan memastikan kesinambungannya untuk tahun mendatang.

Syarikat kami telah menyertai beberapa pesta dan pameran di sepanjang tahun kewangan 2004/2005. 'Invest Malaysia' yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia pada Oktober 2004, adalah satu wadah untuk mempamerkan Nationwide Express kepada pemegang saham kami disamping menarik lebih banyak pelaburan, dari dalam dan luar negara. Kami juga telah menyertai Pesta Jenama dan Pengguna Antarabangsa (IBCOF) pada Disember 2004. Satu lagi pameran adalah Kongres Rangkaian Logistik dan Bekalan Menyeluruh (TLS) Kongres Asia Pasifik 2005 pada bulan Februari tahun ini. TLS menjadi satu tapak pembentangan dan pameran peluang

perniagaan dalam bidang pengangkutan, logistik dan rangkaian pembekalan di rantau Asia Pasifik.

Tahun ini merupakan tahun ke-dua puluh (20) kami dalam perniagaan dan kami akan menganjurkan pelbagai aktiviti di sepanjang tahun kewangan 2004/2005. Salah satu aktiviti yang telah kami adakan adalah "Hunt for Fun – The Chase of Mat Despatch", pencarian harta karun ke wilayah Pantai Timur. Acara ini yang menerima penyertaan dari para pelanggan, kakitangan dan rakan niaga termasuk pemilik dan operator Kedai Mesra Petronas, bertujuan mempromosikan jenama Nationwide Express, serta mendedahkan kepada para peserta terhadap rangkaian ekstensif kami disamping memupuk persahabatan antara satu sama lain dengan lebih erat lagi.

Proses dan Operasi Dalam

Dalam persekitaran persaingan pada hari ini, kami harus sentiasa berinovasi tidak hanya di bidang perkhidmatan dan teknologi, tetapi juga di bidang sistem pengurusan dan amalan. Mencari jalan bagaimana organisasi boleh menjadi lebih efektif dan mencapai matlamat dan mengatasi setiap cabaran mendatang dalam dunia korporat moden hari ini. Organisasi yang berjaya seperti kami harus mewujudkan amalan perniagaan dalaman yang menggalakkan peluang pencapaian berterusan yang sistematik demi peningkatan yang berterusan.

Nationwide Express telah mengambil langkah-langkah untuk penyusunan semula proses operasi dan prosedur dengan tujuan utamanya untuk memperbaiki proses tersebut dan menambah nilai kepada pelanggan serta menghapuskan proses lain yang tidak memberi nilai kepada pelanggan. Usaha untuk memperbaiki sistem telah dilaksanakan secara tidak langsung oleh bahagian Operasi dengan penumpuan kepada penyusunan semula penghantaran, kutipan dan amalan penyusunan di cawangan kami.

Kesemua taktik inovatif ini dalam mempertingkatkan kecekapan harian, akan membolehkan kami memberi khidmat yang lebih baik kepada pelanggan kami serta mengekalkan kedudukan kami sebagai pemimpin pasaran.

Pelbagai peningkatan secara berterusan telah dilaksanakan sepanjang tahun yang sebelumnya. Pusat operasi kami menguruskan 40,000 kiriman sehari. Kami juga mampu mengurus Barangan Berbahaya (DG) dengan adanya pakar DG dalam mengendalikan barangan tersebut serta memberi nasihat-nasihat yang sewajarnya kepada pelanggan kami.

Rangkaian kami sebanyak 180 lokasi di seluruh negara, meliputi 3 negara ASEAN, memastikan penyambungan masa-dalam-transit yang tepat, di samping jaminan penghantaran terus ke pintu. Peningkatan yang berterusan dalam meningkatkan kemudahan kami akan ditangani apabila keperluan untuk berbuat sedemikian timbul, ini untuk memastikan mutu kami yang tinggi dapat dicapai.

Tambahan lagi, dalam 2005, seiring dengan objektif kami dalam mencipta nilai pelanggan, kami akan terus memberikan pelanggan perkhidmatan yang terbaik yang boleh dicapai dengan terus meningkatkan teknologi inovatif, masa-dalam-transit serta produk dan perkhidmatan. Kami percaya bahawa perkhidmatan kami akan terus mewakili nilai terbaik dalam industri, bersama dengan tawaran portfolio paling luas. Oleh itu pelanggan dan syarikat yang memilih Nationwide Express boleh meletakkan kepercayaan penuh mereka pada kebolehan rangkaian integrasi dan penyelesaian teknologi yang sedia ada untuk mereka.

Pembelajaran & Peningkatan

Kaya dengan tenaga kerja seramai 1,500 orang dari pelbagai umur, bangsa dan kepercayaan, kami cuba untuk memberikan keselesaan dan situasi kerja yang sesuai. Dengan pembelian satu lagi hartanah dalam tahun kewangan yang sebelumnya, kami dengan rasminya telah berpindah kepada pejabat korporat kami di lokasi yang baru. Pejabat korporat yang baru ini menempatkan pihak pengurusan dan jabatan sokongan yang lain. Dengan pemisahan fungsi korporat dengan operasi pusat, blok pejabat yang lama akan diubahsuai demi memperkembangkan lagi operasi dalam perkhidmatan kurier dan perniagaan logistik kami.

Sebagai sumber nafkah kepada pekerja kami, kami mengakui dan memberi pengiktirafan melalui ganjaran, faedah, latihan kemahiran dan akademik untuk memastikan penggabungan baik di antara pekerja berkebolehan. Sebagai majikan yang bertanggungjawab, Nationwide Express berusaha untuk menyediakan warga kerjakami untuk tugas tersebut. Kami telah terus melabur dalam aset utama kami - pekerja kami. Peruntukan latihan tahunan kami ini telah memastikan bahawa mutu perkhidmatan sentiasa dipertingkatkan dan dikekalkan.

Kami akan terus melabur dalam perkakasan dan perisian teknologi maklumat. Pelaburan dalam teknologi maklumat bukan sahaja memberi keberkesanan terhadap proses dalaman, tetapi juga menyokong keperluan pelanggan kami. Sebagai penggalak kepada komuniti yang berilmu, Nationwide Express telah memberi kemudahan intranet sebagai sumber rujukan informasi dan pembelajaran kepada warga kerjanya. Nationwide Express sebagai pendukung komuniti berdasarkan ilmu, telah menyediakan intranet sebagai titik rujukan untuk pekerja menimba ilmu.

Untuk menerapkan semangat berpasukan dan mengembalikan semula budaya kehidupan kampung, kami sering menganjurkan gotong royong untuk membersihkan premis kami, sama ada di ibu pejabat atau di stesen. Ini bertujuan untuk mempromosikan semangat berpasukan dan 'esprit de corp' serta kempen keselamatan dan kesihatan di antara kakitangan dan pengurusan, di samping menjadi salah satu aktiviti di bawah kempen keselamatan dan kesihatan didalam syarikat.

Coretan Ketua Pegawai Eksekutif

Tanggungjawab Sosial

Tahun ini Nationwide Express telah memperbaharui 'jalanan persahabatannya' bersama MERCY Malaysia dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) 'Apabila ia untuk MERCY, Nationwide Ekspreskannya' untuk tempoh dua (2) tahun, bagi menyediakan pusat penghantaran iaitu di 117 cawangan dan lebih 60 pusat Easycourier (Petronas Mesra) di serata negara. Ini akan membolehkan penderma untuk menyumbangkan derma mereka di pusat-pusat penghantaran di mana sahaja jika timbulnya keperluan untuk berbuat demikian sehubungan dengan pengumuman dari MERCY. Memorandum Persefahaman ini juga melantik kami sebagai penasihat rasmi untuk semua perkhidmatan penyelesaian logistik untuk MERCY, memberikan ruang penyimpanan dan kemudahan gudang serta bertindak sebagai pusat pengagihan untuk barangan yang disumbangkan kepada MERCY. Namun begitu, Nationwide Express juga telah bersetuju untuk menyumbangkan tenaga pekerjaannya seperti sukarelawan untuk membantu MERCY dalam mengatur dan mengagihkan sumbangan bukan tunai seperti pakaian, bahan perubatan, makanan, dan lain-lain.

Beberapa minggu selepas menandatangani Memorandum Persefahaman, Tsunami telah melanda Asia Tenggara dan keluhuran kami terpancar apabila kami dengan serta merta menerima sumbangan ikhlas dari orang awam dan organisasi untuk penyimpanan di dalam gudang baru kami Sukarelawan yang terdiri daripada orang awam, warga kerja Nationwide Express serta organisasi lain yang berdedikasi dan berhati mulia mula mengerumuni Pusat Logistik untuk membantu menyusun dan mengagihkan sumbangan.

Pengagihan dilakukan secara berperingkat menggunakan rangkaian kenderaan kami, oleh pihak pengurusan Nationwide Express dan para pekerja juga mengiringi pengangkutan yang membawa barangan bantuan dan melaksanakan penghantaran sumbangan kepada mangsa di kawasan yang terbabat di utara tanahair di antaranya di Pulau Pinang dan Kedah. Kami juga berganding bahu bersama kerajaan Malaysia di dalam penghantaran dan pengagihan bantuan ke Aceh.

Nationwide Express terus membantu MERCY semasa Kempen Bantuan Tsunami dengan membantu mereka mengelolakan Jualan Longgok yang telah dianjurkan di Pusat Logistik kami. Pendapatan dari jualan tersebut adalah sebanyak RM 50,000.00 telah diserahkan kepada MERCY untuk membolehkan mereka untuk meneruskan pengagihan bantuan dan barangan perubatan kepada Aceh.

Nationwide Express telah mengenal pasti Rumah Amal Hashimiah yang didiami kanak-kanak istimewa di Sungai Besar, Sabak Bernam untuk beramal jahiah bagi mereka yang kurang bernasib baik. Pakaian baru dan keperluan Hari Raya telah diberi kepada penghuni rumah tersebut semasa majlis jamuan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Dengan sokongan pihak pengurusan, Kelab Sukan dan Kebajikan Nationwide (KSKN), yang ditubuhkan beberapa tahun lalu, aktif menganjurkan pertandingan sukan antara cawangan. Ia juga telah aktif menganjurkan kempen derma darah di kalangan pekerja untuk didermakan kepada Bank Darah Negara. KSKN juga menyediakan tabung 'kecemasan' untuk membantu para pekerja yang di rundung malang, dimana melibatkan kecelakaan ke atas rumah dan keluarga mereka dan lain lain

Dalam usaha berterusan kami untuk menjalankan tanggungjawab kami terhadap alam sekitar, kami telah bekerjasama dengan TREES (Treat Every Environment Special), di mana kami menjalankan projek kitar semula kertas dan kotak secara berterusan. Moto kami- "Kitar semula. Buat saja!"

Keselamatan & Kesihatan

Menjelang penghujung tahun kewangan yang lalu, pihak pengurusan mengambil menyusul langkah. untuk melihat ke arah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA), 1974 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ditubuhkan bagi memastikan persekitaran di mana pekerja kami didedahkan setiap hari adalah selamat dan selaras dengan syarat-syarat OSHA di samping memastikan kesemua pekerja kami mengetahui penyata polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (seperti tertera dibawah).

Selain daripada memastikan warga kerja kami sedar akan penyertaan polisi keselamatan dan kesihatan (seperti dibawah), Jawatankuasa ini juga secara aktif memantau dalam memastikan premis kami sentiasa berada di tahap piawaan yang ditetapkan oleh OSHA.

Kenyataan Polisi Kesihatan & Keselamatan

Di Nationwide express, kejayaan kami bergantung kepada aset kami yang paling berharga – kakitangan kami. Kami mempunyai komitmen sepenuhnya dalam memastikan keselamatan di tempat kerja dan kesihatan tenaga pekerja kami.

Dalam menegakkan standard keselamatan dan persekitaran sihat yang menyeluruh, Nationwide Express MEMBERI perkhidmatan yang unggul kepada pelanggan yang kami hargai dengan mengendalikan kesemua penghantaran dengan cermat. Peningkatan dalam Kesihatan, Keselamatan dan Kualiti adalah sama dengan peningkatan dalam Produktiviti dan Keuntungan.

Coretan Ketua Pegawai Eksekutif

Cabaran untuk Tahun Kewangan Baru

Menjelang penghujung tahun kewangan yang sedang diulas, pihak pengurusan mengambil langkah berani untuk mengkaji semula kekuatan dan kelemahannya. Sambil Syarikat kami melangkah ke tahun kewangan yang baru, struktur organisasi diperkukuhkan lagi untuk memberikan ketelusan yang mendalam dan fokus kepada semua pekerja.

Struktur yang baru membolehkan syarikat mengajukan tumpuan terhadap peningkatan jualan dan aktiviti operasi kami. Untuk sentiasa kompetitif dalam jangka masa panjang, Nationwide Express terus melangkah ke hadapan dari segi teknologi dalam membantu prestasi logistiknya. Struktur baru ini juga memperlihatkan peningkatan yang penting pada fungsi sokongan seperti Jabatan Komunikasi Korporat, Pengurusan Risiko dan tidak ketinggalan Jabatan Organisasi dan Kaedah.

Pandangan Luaran Industri

Industri Kurier dan Logistik di Malaysia pada dasarnya bergantung kepada dirinya sendiri, kerana liberalisasi telah pun berlaku beberapa dekad yang lampau – malah sebelum gambar-gembar globalisasi dan terciptanya perkampungan global. Lebih-lebih lagi, disebabkan peserta pertama industri merupakan syarikat multinasional milik-asing yang telah bertapak lebih daripada 30 tahun dulu. Hari ini industri kurier di Malaysia merangkumi percampuran/ penyatuan sihat antara multinasional dan syarikat-syarikat domestik. Memandangkan industri ini berautonomi sendiri, syarikat-syarikat milik-asing mungkin memasuki industri ini.


Tidak perlu dihuraikan lagi bahawa kedua-dua, liberalisasi dan globalisasi bukan saja membolehkan peniaga asing memasuki pasaran kita, tetapi juga untuk kita melangkah ke domain mereka. Maka, peluang kita untuk ke persada antarabangsa selain Singapura, Brunei dan Indonesia terbuka luas. Oleh itu, kami akan memberi lebih tumpuan membina pergabungan strategik dengan negara-negara rantau ASEAN, Asia Selatan dan negara Timur Tengah.

Manakala di persada domestik, persaingan sengit masih berterusan. Kebanyakan syarikat baru ini menawarkan harga yang sangat rendah Sehingga hari ini terdapat seratus dua belas (112) syarikat kiriman ekspres yang berlesen di bawah urus selia Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Dengan gabungan jenama yang kukuh dan pengurusan serta tenaga kerja yang berdedikasi, Nationwide Express akan meredah panas mahupun hujan.

Terima kasih dan penghargaan kepada wira-wirakami memandu motosikal dan van, yang akan terus melalui liku-liku kotaraya, pekan dan kampung untuk menyampaikan kiriman anda dengan rasa penuh bangga dan kecemerlangan tepat pada waktunya, setiap masa!


Rozilawati Basir

Pengarah Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif





A WALK DOWN MEMORY LANE

Kenangan Indah Bersama



A WALK DOWN MEMORY LANE

Kenangan Indah Bersama



CORPORATE HISTORY

- 1985** • The Company was incorporated as Worldpak Air Courier Services (M) Sdn Bhd, on 9th January 1985; with its head office in Petaling Jaya and 16 branches throughout Peninsular Malaysia.
 - The name was changed to the present Nationwide Express Courier Services Berhad.
- 1986** • Nationwide Express expanded its operations to East Malaysia, with the opening of its first branch in Kuching, Sarawak.
- 1988** • Established a branch and a wholly-owned subsidiary, Nationwide Express Courier Pte Ltd in Singapore to tap into opportunities across the border.
- 1989** • Nationwide Express acquired Miramakmur Sdn Bhd, a freight forwarding company in 1989. The company's name was later re-named Nationwide Freight Forwarders Sdn Bhd.
- 1990** • Nationwide Express expanded its network by appointing 29 agencies, to complement its 31 branches.
- 1991** • All shares of Nationwide Express was acquired by Ace Atlantic Sdn Bhd (know known as Federal express Courier Services (M) Sdn Bhd making Nationwide Express as wholly owned subsidiary of Ace Atlantic Sdn Bhd.
- 1994** • Converted into a public limited company under the name of Nationwide Express Courier Services Berhad.
- 1995** • Listed on the Second Board of Kuala Lumpur Stock Exchange.
- 1997** • Nationwide Express moved to its 5 acre new premise in Shah Alam to accommodate the corporate head office, central hub and a warehouse.
 - The first courier service company in Malaysia to acquire 7 tonne trucks to cater for the increasing volume.
 - Nationwide Express implemented a 3 phase computerization plan to improve its efficiency by replacing the existing manual track and trace system through:-
 - Computerization of the Company's Head Quarters and implementation of scanning and bar coding system;
 - Computerization of branches; and
 - Electronic mail and office automation.
 - NICAS (Nationwide Integrated Courier Applications system) was implemented.
- 1999** • Nationwide Express business operations was Year 2000 Compliance i.e. all computer systems and assets were ready for the "millennium bug".
 - Nationwide Express changed its registered address to Suite 4.1, Level 4, Block C, Plaza Damansara, No. 45, Jalan Medan Setia 1, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur with effect from 22nd November 1999.
 - Nationwide Express Y2K Compliance Committee was established in early January 1999 to identify the Y2K problems and to plan, co-ordinate and monitor the rectification progress or preventive measures.
- 2001** • Proposed Bonus Issue of 23,852,500 new ordinary shares of RM1.00 each ("Bonus Shares") to be credited as fully paid to the existing shareholders of the Company, on the basis of five (5) new ordinary shares of RM1.00 each for every four (4) existing ordinary shares held ("Proposed Bonus Issue").
 - Proposed Increase in the Authorised Share Capital of the Company from RM20,000,000 to RM100,000,000 by the creation of an additional of 80,000,000 ordinary shares of RM1.00 each ("Proposed Increase in the Authorised Share Capital").
 - Nationwide Express increased its paid-up capital to RM40,000,000.00 to fulfil the Bursa Malaysia criteria for all Second Board companies, through Bonus issues.
 - Nationwide Express issue of 23,852,500 new ordinary shares of RM1.00 each on the basis of 5 for 4 ("bonus issue")
 - Nationwide Express goes international, through international collaboration and strategic alliance with reputable international companies

CORPORATE HISTORY

- 2002**
- Nationwide Express implemented a web-based track and trace system for the benefit of its customers.
 - Adoption of the new Articles of Association of Nationwide Express in line with Chapter 7 of the Listing Requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange ("KLSE").
 - Acquisition of wholly owned subsidiary, Nationwide Express Logistics Sdn. Bhd. (NELSB) (Formerly known as Swift Fleet Sdn. Bhd.).
 - Incorporated a new company under the name of Nationwide Express Distribution Sdn. Bhd. (NEDSB) to undertake further expansion on its core business of courier services and place a more favourable position to compete against competitors.
 - Increase of authorised, issued & paid-up capital in Nationwide Freight Forwarders Sdn. Bhd.
 - Launching of "When It's For MERCY, Nationwide Express It" campaign.
 - Full implementation of the Nationwide Integrated Computerised Application System (NICAS).
 - Launched web-based Track and Trace system, which enables customers to track the delivery status of their shipments by logging into the internet.
 - Appointment as a Sales Agent for MAS to handle the East Malaysian sector.
 - Establishment of a KLIA facility.
 - Commencement of international business
 - Total of 108 outlets comprising of 46 branches and 61 agents throughout Malaysia, Singapore and Brunei Darussalam.
- 2003**
- Changed names of subsidiaries into Nationwide Express Freight Forwarders Sdn Bhd (NEFF) and Nationwide Express Metro Sdn Bhd (NEM).
 - Launched of speedy and convenient courier service known as "Easicourier" at Petronas service stations.
 - Formed strategic alliance with Pacific Kiosks by setting up drop off counters at its branches.
 - Short-listed at the NACRA Award 2003.
 - Won the coveted KLSE Award for Corporate Governance - Merit Award.
 - Pilot project for the hajj.
- 2004**
- Formed strategic alliance with PT Citra Titipan Kilat Indonesia, a leading courier company prominently known in Indonesia as TIKI.
 - Acquisition of a piece of leasehold land measuring approximately 145,500 sq ft together with a 3 storey office block and 2 blocks of storey office building with 1 storey purpose built logistics centre from Moorgate Industries Sdn Bhd, a wholly owned subsidiary of Gillette Company of the United States of America.
 - Establishment of the Occupational Safety and Health Committee.
 - Logistics centre fully operational on 26th December 2004.
 - Awarded the Best Malaysian Brand Award at IBCOFF 2004.
 - Renewed pledged with MERCY Malaysia for "When It's For MERCY, Nationwide Express It".
 - Participated in Invest Malaysia 2004 organised by Bursa Malaysia to increase the public awareness of Nationwide Express.
 - Launched new service for hajj coined as 'Peace of Mind'.
 - Bonus issue of 8,586,900 new ordinary shares of RM1.00 each in Nationwide ("Bonus Shares") to be credited as fully paid-up on the basis of one (1) new Nationwide Share for every five (5) existing ordinary shares of RM1.00 each in Nationwide ("Nationwide Shares") held ("Proposed Bonus Issue"); Rights issue of 8,586,900 new Nationwide Shares ("Rights Shares") on the basis of one (1) Rights Share for every five (5) existing Nationwide Shares held. ("Proposed Rights Issue"); ESOS for eligible employees and Directors ("Eligible Employees") of Nationwide and its subsidiaries ("Nationwide Group"); Transfer of the listing of and quotation for its entire enlarged issued and paid-up share capital from the Second Board to the Main Board of Bursa Securities ("Proposed Transfer") and Amendment to the Articles of Association ("Proposed Amendment").
 - Working in collaboration with MERCY Malaysia to provide logistical solutions in the distribution of materials to the tsunami victims.
- 2005**
- Nationwide Express is 20 years old!
 - Organised the first league to the East Coast Region "Nationwide Express' Hunt For Fun – The Chase For Mat Despatch!" to commemorate Nationwide Express' 20th anniversary.
 - Participated in the exhibition held by Biro Tata Negara Malaysia at the Putrajaya International Convention Centre.
 - In May 2005, Nationwide Express was upgraded to the Main Board of Bursa Malaysia.

Sejarah Korporat

- 1985** • Syarikat telah ditubuhkan sebagai Worldpak Air Courier Services (M) Sdn. Bhd., pada 9hb. Januari 1985; beribupejabat di Petaling Jaya dengan 16 cawangan di seluruh Semenanjung Malaysia.
 - Namanya telah ditukarkan kepada Nationwide Express Courier Services Berhad seperti hari ini.
- 1986** • Nationwide Express meluaskan operasinya di Malaysia Timur dengan pembukaan cawangan pertamanya di Kuching, Sarawak.
- 1988** • Dengan penubuhan cawangan dan subsidiarinya yang dimiliki sepenuhnya, Nationwide Express Courier Pte Ltd di Singapura untuk merebut peluang dari seberang sempadan.
- 1989** • Nationwide Express mengambilalih Miramakmur Sdn. Bhd., sebuah syarikat pengendalian penghantaran pada 1989. Nama syarikat itu kemudiannya diubah kepada Nationwide Freight Forwarders Sdn Bhd.
- 1990** • Nationwide Express memperluaskan jaringannya dengan melantik 29 agensi, untuk menyokong 31 cawangannya.
- 1991** • Keseluruhan saham Nationwide Express telah diambilalih oleh Ace Atlantic Sdn Bhd (dikenali sekarang sebagai Federal Express Courier Services (M) Sdn. Bhd. menjadikan Nationwide Express sebagai subsidiari milikan sepenuhnya Ace Atlantic Sdn. Bhd.
- 1994** • Bertukar kepada syarikat awam berhad di bawah nama Nationwide Express Courier Services Berhad.
- 1995** • Disenaraikan di Papan Kedua pada Bursa Saham Kuala Lumpur.
- 1997** • Nationwide Express berpindah ke premis barunya yang seluas 5 ekar di Shah Alam yang menempatkan ibupejabat korporat, hub sentral dan gudang.
 - Syarikat kurier pertama di Malaysia yang memiliki trak 7 tan untuk memenuhi bilangan kiriman yang semakin meningkat.
 - Nationwide Express melaksanakan rancangan pengkomputeran 3 fasa untuk meningkatkan kecekapannya dengan menggantikan sistem manual jejak dan kesan sedia ada melalui:-
 - Pengkomputeran Ibupejabat Syarikat dan pelaksana sistem imbasan dan bar kod.;
 - Pengkomputeran cawangan-cawangan; dan
 - Komunikasi elektronik dan automasi pejabat.
 - NICAS (Nationwide Integrated Courier Applications System) telah dilaksanakan.
- 1999** • Operasi perniagaan Nationwide Express bersedia untuk pematuhan Tahun 2000, oleh itu semua sistem komputer dan aset-aset telah bersedia menghadapi "Virus Millenium" .
 - Nationwide Express menukarkan alamat berdaftaranya kepada Suite 4.1, Level 4, Block C, Plaza Damansara, No. 45, Jalan Medan Setia 1, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur bermula dari 22hb. November 1999.
 - Jawatankuasa Pematuhan Y2K Nationwide Express telah ditubuhkan pada awal Januari 1999 untuk mengenal pasti masalah Y2K dan untuk merancang, mengkoordinasi dan memantau kemajuan baikpulih atau langkah-langkah pencegahan.
- 2001** • Mencadangkan Terbitan Bonus sebanyak 23,852,500 saham-saham biasa yang baru bernilai RM1.00 setiap satu ("Saham-Saham Bonus") untuk dikreditkan sebagai telah dibayar sepenuhnya oleh pemegang saham sedia ada Syarikat, berdasarkan lima (5) saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu untuk setiap empat (4) saham biasa sedia ada yang dimiliki ("cadangan Terbitan Bonus").
 - Mencadangkan peningkatan kepada Saham Modal Berdaftar dalam Syarikat daripada RM20,000,000 kepada RM100,000,000 dengan mewujudkan tambahan sebanyak 80,000,000 saham biasa berniali RM1.00 setiap satu ("Cadangan Meningkatkan Saham Modal Berdaftar").
 - Nationwide Express menambah modal berbayarnya kepada RM40,000,000.00 untuk memenuhi kriteria Bursa Malaysia untuk semua syarikat-syarikat Papan Kedua, melalui terbitan Bonus.
 - Terbitan bonus Nationwide Express sebanyak 23,852,500 saham biasa yang baru bernilai RM1.00 setiap satu berdasarkan 5 untuk 4 ("Terbitan Bonus")
 - Nationwide Express melangkah ke arena antarabangsa, melalui kerjasama dan gabungan strategik antarabangsa dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang terkenal

- 2002**
- Nationwide Express melaksanakan sistem jejak dan kesan berasaskan web untuk manfaat penggunaanya.
 - Pengambilan Tata Urus Penubuhan baru untuk Nationwide Express sejajar dengan Bahagian 7 Senarai Keperluan Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL").
 - Memperoleh subsidiari hak milik penuh, Nationwide Express Logistics Sdn. Bhd. (NELSB) (Sebelumnya dikenali sebagai Swift Fleet Sdn. Bhd.).
 - Menubuhkan sayarikat baru di bawah nama Nationwide Express Distribution Sdn. Bhd. (NEDSB) untuk mengambilalih perkembangan seterusnya asas perniagaannya dalam perkhidmatan kurier dan meletakkannya pada kedudukan yang lebih teguh untuk bersaing dengan para pesaingnya.
 - Peningkatan kepada pengesahan, terbitan & modal berbayar dalam Nationwide Freight Forwarders Sdn. Bhd.
 - Pelancaran kempen "When It's For MERCY, Nationwide Express It".
 - Perlaksanaan sepenuhnya Nationwide Integrated Computerised Application System (NICAS).
 - Pelancaran sistem jejak dan kesan berasaskan web, yang membolehkan pelanggan untuk menjejak status kiriman melalui pelayaran internet.
 - Perlantikan sebagai Agen Jualan MAS untuk mengendalikan sektor Malaysia Timur.
 - Penubuhan kemudahan di KLIA.
 - Permulaan perniagaan antarabangsa.
 - Sejumlah 108 outlet mengandungi 46 cawangan dan 61 agen di seluruh Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam.
- 2003**
- Pertukaran nama subsidiari kepada Nationwide Express Freight Forwarders Sdn Bhd (NEFF) dan Nationwide Express Metro Sdn. Bhd. (NEM).
 - Pelancaran perkhidmatan kiriman ekspres yang cepat dan mudah yang dikenali sebagai "Easicourier" di station servis Petronas.
 - Pembentukan hubungan strategik dengan Pacific Kiosks dengan mewujudkan kaunter "drop off" di cawangannya.
 - Disenaraikan di Anugerah NACRA 2003.
 - memenangi Anugerah KLSE untuk Urus Tadbir Korporat – Anugerah Merit.
 - Projek perintis untuk jemaah haji.
- 2004**
- Membentuk hubungan strategik dengan PT Citra Titipan Kilat Indonesia, peneraju syarikat kurier dan terkenal di Indonesia sebagai TIKI.
 - Memperoleh sebidang tanah pegangan-sementara dengan anggaran keluasan 145,500 kaki persegi bersama dengan blok pejabat 3 tingkat dan 2 blok bangunan pejabat dengan 1 tingkat yang dibina dengan tujuan untuk pusat logistik daripada Moorgate Industries Sdn Bhd, subsidiari pemilikan penuh Syarikat Gillette dari Amerika Syarikat.
 - Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
 - Pusat logistik beroperasi sepenuhnya pada 26hb. Disember 2004.
 - Dianugerahkan Jenama Terbaik Malaysia di IBCOFF 2004.
 - Memperbaharui janjinya dengan MERCY Malaysia untuk "When It's For MERCY, Nationwide Express It".
 - Menyertai Invest Malaysia 2004 yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia untuk meningkatkan kesedaran umum kepada Nationwide Express.
 - Melancarkan perkhidmatan baru untuk jemaah haji dengan nama 'Peace of Mind'.
- Σ
- Terbitan Bonus sebanyak 8,586,900 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu Nationwide ("Saham-Saham Bonus") untuk dikreditkan sebagai telah dibayar sepenuhnya berdasarkan satu (1) saham baru Nationwide untuk setiap lima (5) saham biasa sedia ada dengan RM1.00 setiapnya dalam Nationwide ("Saham-Saham Nationwide") yang dimiliki ("Cadangan terbitan Bonus");
 - Terbitan Hak sebanyak 8,586,900 Saham Nationwide baru ("Saham-Saham Hak") berdasarkan satu (1) saham Hak untuk setiap lima (5) Saham Nationwide sedia ada yang dimiliki ("Cadangan Terbitan Hak"); ESOS untuk kakitangan dan Pengarah yang layak ("Kakitangan Layak") daripada Nationwide dan subsidiarinya ("Kumpulan Nationwide"); Memindahkan daripada penyenaraian kepada dan sebutharga kepada terbitan pembesaran keseluruhan dan modal berbayar saham modal daripada Papan Kedua ke Papan Utama Bursa Malaysia ("Cadangan Pemindahan"); dan Pindaan kepada Tata urus Penubuhan ("Cadangan Pindaan").
 - Bekerjasama dengan MERCY Malaysia untuk membekalkan penyelesaian logistik dalam pengedaran barangan kepada mangsa Tsunami.
- 2005**
- Nationwide Express berusia 20 tahun!
 - Menganjurkan liga pertamanya ke Kawasan Pantai Timur "Nationwide Express' Hunt For Fun – The Chase For Mat Despatch!" untuk memperingati ulangtahun Nationwide Express yang ke 20.
 - Menyertai pameran yang dianjurkan oleh Biro Tata Negara Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.
 - Pada Mei 2005, Nationwide Express telah disenaraikan ke Papan Utama Bursa Malaysia.

